

SOALAN LAZIM
KEMPEN *CLICK, PAY & EARN* 2022

1. **Soalan:**
Apakah **Kempen *Click, Pay & Earn* 2022**?

Jawapan:
Kempen *Click, Pay & Earn* 2022 merupakan kempen kerjasama antara PTPTN bersama Rakan Strategik bagi mengalakkan dan memudahkan bayaran balik dalam kalangan peminjam PTPTN melalui saluran Rakan Strategik.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh **Kempen *Click, Pay & Earn* 2022**?

Jawapan:
Tempoh kempen ini bermula pada **8 Februari 2022** hingga **30 April 2022**.

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai **Kempen *Click, Pay & Earn* 2022**?

Jawapan:
Terbuka kepada pengguna aplikasi ShopeePay, BESTPay dan SpayGlobal (Sarawak Pay) yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN di dalam tempoh kempen.

4. **Soalan:**
Apakah kelayakan untuk menyertai **Kempen *Click, Pay & Earn* 2022**?

Jawapan:
Penentuan kelayakan adalah berdasarkan seperti yang berikut:

| Saluran | Kelayakan | Pemberian Ganjaran |
|-----------|---|--|
| ShopeePay | Bayaran balik pinjaman minimum RM100 dalam satu (1) transaksi | <ul style="list-style-type: none">• Pemberian baucar diskaun RM 5 kepada pengguna aplikasi Shopee tertakluk kepada 30 pengguna terawal setiap hari bagi bayaran pinjaman dalam tempoh kempen.• Setiap seorang pengguna hanya boleh memenangi ganjaran baucar diskaun sekali sahaja dalam tempoh kempen. |

| | | |
|---------------------------------|---|---|
| | | <ul style="list-style-type: none"> Pengguna yang berjaya menerima baucar diskaun perlu membuat penebusan terlebih dahulu sebelum membuat transaksi bayaran balik pinjaman. |
| BESTPay | Bayaran balik pinjaman minimum RM100 dalam satu (1) transaksi | <ul style="list-style-type: none"> Pemberian 5 kredit BP kepada 30 pengguna terawal yang membuat bayaran balik pinjaman semasa slot BESTPay 1 jam Happy Hour yang akan berlangsung secara rawak di antara jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam setiap hari di sepanjang tempoh kempen. Notifikasi Happy Hour akan diberikan kepada pengguna aplikasi BESTPay apabila Happy Hour akan bermula. Pengguna hanya layak memenangi pemberian kredit ini sekali sahaja di dalam bulan yang sama. Pengguna yang berjaya akan menerima pemberian kredit di dalam aplikasi BESTPay pada hari berikutnya. |
| SpayGlobal (Sarawak Pay) | Bayaran balik pinjaman minimum RM10 dalam satu (1) transaksi | <ul style="list-style-type: none"> Pemberian RM2 baucar kepada 100 pengguna terawal setiap bulan bagi bayaran balik pinjaman dalam tempoh kempen. Setiap seorang pengguna hanya boleh memenangi ganjaran baucar sekali sahaja sepanjang tempoh kempen. Pengguna yang berjaya akan menerima pemberian baucar di dalam aplikasi SPayGlobal pada bulan berikutnya. |

5. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan peminjam menyertai **Kempen Click, Pay & Earn 2022?**

Jawapan:

Tidak perlu, peminjam yang membuat bayaran balik melalui salah satu aplikasi antara ketiga-tiga (3) saluran di dalam tempoh kempen telah melayakkan peminjam menyertai kempen ini.

6. Soalan:

Sekiranya pengguna menggunakan kesemua aplikasi berikut untuk bayaran balik pinjaman, adakah pengguna layak untuk menerima ganjaran daripada setiap aplikasi tersebut?

Jawapan:

Pengguna layak untuk menerima pemberian ganjaran sekiranya pengguna menggunakan kesemua aplikasi berikut untuk membuat bayaran balik pinjaman serta memenuhi terma dan syarat setiap aplikasi berikut.

7. Soalan:

Bagaimanakah pelanggan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai **Kempen Click, Pay & Earn 2022?**

Jawapan:

Pelanggan boleh menyemak mengenai kempen di sosial media atau portal rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my), ShopeePay (<https://shopee.com.my>), BESTPay (<https://best-pay.com.my/>) dan SpayGlobal (Sarawak Pay) (<https://spayglobal.my/>)

Maklumat dikemaskini pada 07 Februari 2022